sekarang iaitu hanya 2Mbps sahaja. Walau bagaimanapun, pelaksanaan bagi mencapai sasaran ini akan dibuat secara berperingkat iaitu penambahbaikan infrastruktur dari semasa ke semasa.

Buat masa ini, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah dan masih sedang melaksanakan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) di mana infrastruktur jalur lebar talian tetap yang berkelajuan sehingga 4Mbps disediakan melalui projek ini dan tertumpu di kawasan Iuar bandar. Selain daripada itu, bagi perkhidmatan mudah alih, Kementerian turut memperluaskan liputan selular melalui pembinaan menara komunikasi baharu selain menaik taraf liputan 3G bagi menara komunikasi sedia ada.